

Pendahuluan

Manusia bekerja siang dan malam untuk mencari kesenangan hidup sebagai rezeki dalam kehidupan mereka.

Lumrah dalam kehidupan manusia yang mendambakan serba mewah .

Selain itu, kenikmatan dan keindahan tidak semua orang miliki dalam keseronokan dunia kerana mereka juga bertungkus lumus dalam mencari rezeki halal.

Pandangan Islam mengenai amalan hutang

Tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan

Tabiat berhutang menguasai kehidupan manusia sehingga membawa kemudaratan

Budaya suka berhutang amatlah ditegah oleh Islam kerana agama Islam adalah agama yang mulia dan menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'ah

Konsep Pinjaman dalam Islam

Pinjaman mempunyai 2 jenis iaitu al-'ariyah dan al-qard

Al-'ariyah -pinjaman yang melibatkan pemberian barangan atau harta oleh pemberi

-Barang yang dipinjam mestilah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan barang gantian tersebut

- Melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal

al-Qard -pemindahan atau melibatkan pemilikan barang atau komoditi.

-Hutang ialah pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa ada unsur keuntungan

Definisi Al-Qard

Al-Qard dari segi **bahasa** ialah potong (Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang

Dari segi **istilah** ialah penyerahan barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang

-Akad qard dikategori sebagai **tabarru'** iaitu kontrak yang berteraskan kebajikan

- Riba' bermaksud penambahan wang atau barang yang dipinjam.

Larangan Riba'

Dosa riba adalah amat berat disisi Allah

Satu dirham riba yang dimakan oleh anak adam terlalu berat dosa melebihi dosa tiga puluh enam kali melakukan maksiat zina

Tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan

Fatwa pengharaman riba'

- Setiap faedah atau penambahan ke atas hutang kerana peminjam lewat menjelaskan hutang atau faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman.

- Segala faedah dari bank yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri sebaliknya perlu diserahkan ke Baitulmal.

Prinsip al-Qard al-Hasan

- Al-Qard al-Hasan ialah pinjaman yang baik

- Peminjam perlu membayar jumlah wang yang dipinjam tanpa faedah

- Seseorang yang melakukan kebajikan perlu membantu saudaranya yang berada dalam keadaan kekurangan atau kesempitan khususnya dalam aspek kewangan

- Kontrak juga menjurus kepada sifat bertoleransi dan prihatin peminjam

Hukum al-Qard

Sunat memberi hutang kepada seseorang yang memerlukan.

Harus bagi membebaskan diri daripada kesempitan hidup.

Tidak harus memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang digunakan bagi tujuan haram.

Rukun al-Qard

Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman) Boleh menguruskan harta, berurus niaga (ahliyyah al-mu'amalah) dan memiliki harta.

Tiada unsur paksaan

Penghutang/peminjam Bukan seorang yang mahjur 'alaih kerana safih, orang gila atau kanak--kanak.

Tiada unsur paksaan

Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.

Barang yang dipinjam Boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan mempunyai saiz yang hampir serupa.

Sighah Lafaz ijab dan qabul.

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

- Membantu golongan yang memerlukan.

- Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.

- Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.



By Muhammad Nor Azfar

Published 9th January, 2021.

Last updated 9th January, 2021.

Page 1 of 2.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>

Instrumen penjana sosio ekonomi ummah

Skim Al-Rahnu

- Sebagai transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang.

Skim pembiayaan secara mikrokredit

- Membantu proses penjana pendapatan secara tetap.

Skim pinjaman secara qard hasan

- Tidak dikenakan faedah ke atas pinjaman.

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

- Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis.
- Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman.
- Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan.

Bantuan kepada asnaf al-gharimin

Institusi zakat dan baitulmal

- Mewujudkan suasana seimbang dari aspek ekonomi dalam Masyarakat dan juga aspek sosial.
- Membantu dalam memenuhi keperluan asas kepada golongan yang serba kekurangan.

Gejala ceti haram

Ah long

Pinjaman yang mengenakan faedah.

Pinjaman yang bertentangan dengan syariat Islam.

Kesan

- Menjadi huru-hara dalam rumah tangga
- Menjadikan kerisauan dalam masyarakat.
- Ugutan terima yang keras dari Ah long

Kesimpulan

Islam adalah agama yang menyediakan jalan kehidupan yang syumul, meskipun Islam mengharuskan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan namun tindakan tersebut tidaklah wajar untuk dijadikan sebagai amalan dan budaya. Oleh itu, ia akan mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran, kerisauan dan tertekan.

Selain itu, Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian peminjaman kewangan yang tidak membebankan dengan cara menggunakan prinsip al-Qard al-Hasan.



By Muhammad Nor Azfar

cheatography.com/muhammad-nor-azfar/

Published 9th January, 2021.

Last updated 9th January, 2021.

Page 2 of 2.

Sponsored by [Readable.com](https://readable.com)

Measure your website readability!

<https://readable.com>